

PM tegur sikap doktor muda

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyesali sikap segelintir doktor muda yang dikatakan enggan 'menyentuh' pesakit kerana kononnya dilarang oleh agama.

Perdana Menteri menasihatkan mereka supaya meninggalkan jawatan itu supaya perbuatan mereka tidak menular menjangkiti orang lain.

Perdana Menteri kesal kerana ada doktor-doktor muda yang dilaporkan menggunakan buntut pensil ketika memeriksa pesakit-pesakit kerana tidak mahu menyentuh badan mereka.

Dr Mahathir berharap supaya sikap seperti ini tidak menular kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam. Islam memerlukan seseorang itu memberi rawatan yang baik kepada pesakit.

Di Uhud

"Dalam akhbar yang sama juga saya baca di zaman Nabi dulu, ketika Perang Uhud, apabila ramai tentera-tentera

26 FEB 1989

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga seorang doktor perubatan mensifatkan seorang ahli perubatan yang tidak mahu menyentuh pesakit sebenarnya bukanlah seorang doktor kerana ini bertentangan dengan amalan profesion perubatan.

Perdana Menteri memberi nasihat itu ketika merasmikan Pusat Pakar Tawakal, sebuah hospital swasta di sini hari ini.

"Doktor sepatutnya mengutamakan pesakit, bukan dirinya sendiri. Sama ada seseorang doktor itu pergi ke syurga atau tidak lebih banyak bergantung kepada kebaikan yang dilakukan kepada pesakitnya dan bukan untuk dirinya sendiri," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Kebelakangan ini, saya membaca di dalam akhbar bahawa ada doktor muda yang tidak mahu sama sekali menyentuh pesakit-pesakit.

"Menurut ceritanya, ada doktor-doktor memeriksa pesakit-pesakit dengan menggunakan buntut pensil, supaya tidak menyentuh pesakit-pesakit itu," katanya.

Sebaliknya, Datuk Seri

Islam luka parah, yang merawat mereka ialah kaum wanita. Saya yakin, wanita-wanita itu tentu tidak segan-segan menyentuh pesakit-pesakit dalam usaha mereka memberi rawatan," tambahnya.

Katanya, jika mereka tidak mahu menyentuh pesakit-pesakit, adalah lebih baik berundur diri dari bidang perubatan sambil menambah bahawa berkhidmat sebagai doktor memerlukan hubungan rapat dengan pesakit.

Perdana Menteri menjelaskan, satu daripada amalam bidang kedokteran yang menjadi panduannya sewaktu menjadi doktor dahulu, ialah 'apabila kita meletakkan tangan ke atas tubuh badan pesakit, dengan sendirinya ia menjadi sebahagian daripada ubat'.

"Dengan meletakkan tangan di atas badan pesakit, mereka terasa sudah dapat mewujudkan satu hubungan yang rapat dengan orang yang merawatinya.

"Begitulah juga bila kita sakit umpamanya ketika masih kecil, kita akan berasa lega apabila emak kita meletakkan tangan atas dahi kita. Ini adalah satu psikologi yang perlu difahami," tambahnya.